

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua**

**Sidang Akademik 1992/93**

**April 1993**

**EBS 212/3 - Pemprosesan Mineral I**

**Masa : (3 jam)**

---

**ARAHAN KEPADA CALON:-**

Sila pastikan bahawa kertas soalan ini mengandungi **enam (6)** mukasurat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Sila jawab **Soalan satu (1) dan empat (4)** soalan lain.

Kertas soalan ini mengandungi **tujuh (7)** soalan semuanya.

Semua soalan MESTILAH dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

Semua jawapan mesti dimulakan pada mukasurat baru.

...2/-

1. (a) Berikan takrifan bagi sebutan "Nisbah Pengkonsentratan" dan "Nisbah Pengkayaan".

(6 markah)

- (b) Lima puluh tan sejam bijih yang mengandungi 5% kuprum disuapkan kepada beberapa pengkonsentrat pilin. Satu konsentrat yang bergred tinggi bercerakinan 25% kuprum telah dihasilkan. Hampas gred tinggi bercerakinan 0.5% kuprum dan disuapkan ke pilin gred-rendah dan menghasilkan satu konsentrat bercerakinan 6% kuprum. Hampas gred-rendah mengandungi 0.1% kuprum.

- i. Lukiskan satu carta aliran yang mudah bagi litar tersebut.

(4 markah)

- ii. Kirakan berat konsentrat bergred tinggi dan berat konsentrat bergred rendah yang dihasilkan setiap jam.

(5 markah)

- iii. Kirakan juga perolehan kuprum yang dihasilkan dari proses pengkonsentratan pilin.

(3 markah)

- iv. Apakah nisbah pengkayaan bagi litar bergred tinggi?

(2 markah)

2. (a) Lukiskan satu carta aliran penghancurkisan termasuk operasi pensaizan bagi suatu bijih keras yang bersaiz maksimum 700 mm kepada saiz  $100 \mu\text{m}$  yang diperlukan sebagai suapan ke proses pemisahan basah. Kenalpastikan jenis mesin dan saiz hasil di setiap peringkat.

(10 markah)

...3/-

- (b) Suapan ke suatu pengisar rod mengandungi 80% saiz yang melepas 2 mm, dan hasil pengisaran mengandungi 80% saiz yang melepas 300  $\mu\text{m}$ . Sekiranya, Indeks Kerja Bond bagi bijih tersebut ialah 11.5 kw jam setiap tan, anggarkan kuasa yang diperlukan untuk mengisar 70 tan se jam bijih.
- (5 markah)
- (c) Sebutkan faktor (faktor) yang boleh mempengaruhi kecekapan pengisar bebola.
- (5 markah)
3. Jadual S.4 menunjukkan keputusan analisis pengskrinan dan cerakinan bagi suatu endapan bijih timah lanar untuk menilai kesesuaian bijih tersebut dirawat dengan pengkonsentratan graviti. Dari data tersebut, tentukan perkara-perkara berikut:
- Cerakinan keseluruhan bijih tersebut
- (4 markah)
- Taburan Sn dalam setiap julat saiz
- (4 markah)
- % berlonggok bijih yang melepas 90  $\mu\text{m}$
- (4 markah)

Berikan komen anda tentang kesesuaian teknik-teknik pengkonsentratan graviti untuk merawat bijih tersebut.

(8 markah)

Jadual S.4: Keputusan Analisis Pengskrinan Dan Cerakinan Bijih Timah Lanar

Jumlah saiz ( $\mu\text{m}$ )	Berat (%)	Cerakinan (%Sn)
+425	8.7	0.05
-425 + 300	5.4	0.08
-300 + 212	11.1	0.08
-212 + 150	22.7	0.11
-150 + 125	15.6	0.15
-125 + 75	34.6	0.39
-75	1.9	2.75

4. (a) Dengan menggunakan gambarajah yang sesuai, bincangkan beberapa mekanisma fizikal yang memainkan peranan penting dalam pengoperasian meja ayun. Berikan juga pembolehubah-pembolehubah proses bagi unit tersebut.

(10 markah)

- (b) Bincangkan penggunaan meja ayun dalam industri bijih timah di Malaysia.

(10 markah)

5. Tuliskan nota ringkas bagi **EMPAT** (4) daripada tajuk berikut:

- i. Prinsip-prinsip operasi penjigaan
- ii. Perbezaan di antara penggunaan hidrosiklon dan pengelas mekanikal dalam sistem pengisaran litar tertutup
- iii. Sebab-sebab mengapa pemprosesan mineral diperlukan
- iv. Pentingnya pembebasan mineral yang cukup dalam proses pengkonsentratan
- v. Penggunaan Hukum Newton dan Hukum Stoke's dalam pengelasan

(20 markah)

6. (a) Bagaimanakah satu hidrosiklon mencapai pemisahan saiz?

Nyatakan faktor (faktor) yang menentukan keadaan pemisahan dalam hidrosiklon.

(8 markah)

...5/-

- (b) Jadual S.5: Taburan saiz Bagi Bijih Magnetit-Silikat Daripada Ujian Ke Atas Suatu Hidrosiklon

Saiz ( $\mu\text{m}$ )	% Berat Aliran Bawah U/F	% Berat Aliran Atas O/F
+500	2.4	-
-500 + 355	3.5	0.1
-355 + 250	6.2	0.1
-250 + 180	9.9	0.2
-180 + 125	9.5	0.3
-125 + 90	12.9	2.3
-90 + 63	11.8	4.1
-63	43.8	92.9
	100	100

Hasil : Aliran Bawah = 62.5% daripada berat suapan  
Aliran Atas = 37.5% daripada berat suapan

- i. Lakarkan lengkuk kecekapan bagi hidrosiklon.

(8 markah)

- ii. Tentukan titik potong ( $d_{50}$ ) bagi hidrosiklon.

(4 markah)

7. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan "beban pusing balik" dalam litar pengisaran tertutup dengan pengelas hidrosiklon? Berikan satu nilai yang tipikal bagi keadaan mantap.

(5 markah)

- (b) Tunjukkan dua kemungkinan konfigurasi litar pengisar bebola/siklon.

(5 markah)

- (c) Suatu litar pilin pengasar-pembersih telah menghasilkan konsentrat PbS. Hampas pembersih bercerakinan 15% PbS dan dikitar semula ke pilin pengasar dan beban pusing balik (kitar semula suapan baru) ialah 0.20. Suapan baru bercerakinan 5% PbS dan disuapkan pada kadar 1050 t/jam. Perolehan dalam konsentrat ialah 96% dan gred konsentrat ialah 90%. Kirakan kadar alir dan cerakinan bagi aliran yang lain dalam litar tersebut.

(10 markah)

oooOooo